

PERUNTUKAN KESALAHAN JENAYAH TIDAK MENGHORMATI RAMADAN: MENGANGKAT SYIAR ISLAM

Provision for Criminal Offenses of Disrespecting Ramadan: Raising Islamic Syiar

Nik Azlan Nik Man*

Muhammad Nurfitri Mohd Faisalni**

Muhammad Syazwan Hazimi Jamal***

ABSTRACT

The month of Ramadan is one of Islamic syiar that should be exalted by Muslims. Violation of fasting in the month of Ramadan is a problem that must be addressed with wisdom by the Government of Malaysia as this issue can become a poor indicator of Islamic Institution's strength in Malaysia. With the existence of legal provisions related to the criminal offense of disrespecting Ramadan, activities that desecrate the holy month have been successfully eradicated and monitored effectively. This article aims to support and justify the enforcement of criminal laws disrespecting Ramadan which is considered as legislation that plays an important role in upholding Islamic teachings in Malaysia. This article uses a literature review method to analyze legal documents and sources within the framework of qualitative

* Chief Assistant Director of Enforcement Section, State Islamic Religious Affairs Department of Negeri Sembilan (JHEAINS), 71450 Seremban, Negeri Sembilan, Malaysia. nikazlan@ns.gov.my.

** Faculty of Defence Studies and Management, National Defence University of Malaysia, Sg. Besi Camp, 57000 Kuala Lumpur, Malaysia. nurfitri1595@gmail.com.

*** Faculty of Defence Studies and Management, National Defence University of Malaysia, Sg. Besi Camp, 57000 Kuala Lumpur, Malaysia. hazimijamal@gmail.com.

research. The findings shows that every Islamic syiar especially fasting in the month of Ramadan should be glorified and emphasized in the lives of Muslims. This article also finds that the provisions of the law related to the criminal offense of disrespecting Ramadan are relevant as an important element in efforts to defend and elevate the Islamic syiar; the month of Ramadan and the fasting prescribed in it.

Keywords: *Fasting, Ramadan, Law Enforcement, Islamic Syiar*

PENDAHULUAN

Islam adalah satu garis panduan bagi gaya hidup sejahtera yang lengkap merangkumi segenap urusan kehidupan manusia dan sesuai untuk semua ras dan bangsa tanpa mengira tempat mahupun zaman.¹ Islam mempunyai sumber dan landasan ilmu yang teguh, yakni al-Quran dan al-Sunnah. Di Malaysia, agama Islam mempunyai kedudukan yang tinggi sebagaimana yang termaktub dalam Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan yang menyebutkan seperti berikut:

Islam ialah agama bagi Persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan.²

Ketinggian agama Islam di Malaysia menjadikan setiap hal ehwal Islam turut memiliki taraf yang istimewa dalam perundangan. Hal ini disahkan dengan wujudnya akta, enakmen dan ordinan yang menjaga kesucian dan kemuliaan perkara-perkara yang berkaitan dengan agama Islam. Antara syariat Islam yang dipelihara dalam perundangan di Malaysia ialah ibadah puasa pada bulan Ramadan. Pensyarian puasa

¹ Haron Din, *Manusia dan Islam Jilid 1* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015), 144.

² Perlembagaan Persekutuan, "Federal Legislation," diterbitkan 15 Oktober 2020, diakses 10 Mei 2022, <https://lom.agc.gov.my/federal-constitution.php>.

ialah salah satu teras utama dalam pembinaan agama Islam.³ Hal ini dapat dilihat dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Abdul Rahman Abdullah Ibn Umar RA:

حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مُوسَى، قَالَ: أَخْبَرَنَا حَنْظَلَةُ بْنُ أَبِي سُفْيَانَ،
عَنْ عِكْرِمَةَ بْنِ خَالِدٍ، عَنِ ابْنِ عُمَرَ، رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ
رَسُولُ اللَّهِ ﷺ بِنِي الْإِسْلَامِ عَلَى خَمْسٍ: شَهَادَةٌ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ، وَإِقَامُ الصَّلَاةِ، وَإِيتَاءُ الزَّكَاةِ، وَالْحَجُّ، وَصَوْمُ
رَمَضَانَ

Maksudnya: “Abdullah Ibn Musa telah menceritakan kepada kami, Hanzhalah Ibn Abu Sufyan telah mengkhabarkan kepada kami daripada 'Ikrimah Ibn Khalid daripada Ibnu Umar berkata: Rasulullah SAW bersabda: "Islam dibangun di atas lima (landasan); penyaksian tidak ada tuhan selain Allah dan sesungguhnya Muhammad utusan Allah, mendirikan Solat, menunaikan zakat, haji dan puasa Ramadan.”⁴

Senario berkenaan ibadah puasa pada bulan Ramadan di Malaysia menyaksikan sesetengah pihak dalam komuniti masyarakat Islam meremehkan syariat Islam ini dengan memilih untuk tidak berpuasa, baik secara terang-terangan mahupun sembunyi-sembunyi dengan menggunakan pelbagai modus operandi dan helah bagi mengelakkan kegiatan buruk itu daripada terbongkar.

³ Aulia Rahmi. “Puasa dan Hikmahnya terhadap Kesehatan Fizik dan Mental Spiritual.” *Jurnal Studi Pemikiran, Riset dan Pengembangan Pendidikan Islam*, (2015): 89-106.

⁴ Muḥammad Ibn Isma‘īl al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, ed. Muḥammad Zuhayr Nāṣir al-Nāṣir (t.tp.: Dār Ṭūq al-Najāh, 1422 H), no. hadith 8, 1: 11.

Dengan adanya undang-undang syariah di Malaysia, kegiatan jenayah⁵ melibatkan pelanggaran syariat puasa pada bulan Ramadan telah berjaya dicegah dan dikurangkan dengan efektif oleh pihak berkuasa agama negeri-negeri di Malaysia. Statistik di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan⁶ merekodkan sebanyak 21 tangkapan dibuat dan 107 amaran dikeluarkan dari tahun 2017 sehingga tahun 2021 bagi kesalahan berkaitan pelanggaran terhadap ibadah puasa di bulan Ramadan. Statistik ini menunjukkan bahawa peruntukan undang-undang bagi kesalahan jenayah tidak menghormati Ramadan merupakan hal penting yang perlu dititikberatkan dan difahami justifikasi pelaksanaannya dalam usaha mengangkat syiar Islam di Malaysia.

SYIAR ISLAM PUASA DI BULAN RAMADAN

Ibadah puasa sebagaimana yang diketahui adalah satu ibadah yang wajib diyakini pensyariatannya dan wajib ditunaikan oleh setiap umat Islam yang layak serta cukup syarat wajib puasa terhadapnya melainkan golongan-golongan yang diberikan kelonggaran.⁷ Hal ini jelas sebagaimana yang termaktub dalam firman Allah SWT:

⁵ Dalam perlembagaan, seseorang dianggap melakukan jenayah sekiranya individu tersebut melakukan perbuatan yang bertentangan dengan undang-undang yang berkuat kuasa sama ada undang-undang jenayah sivil ataupun undang-undang jenayah Islam (*syariah*).

⁶ Syahrohimi, "Jadual Rekod Tindakan Penguatkuasaan Bagi Kesalahan Jenayah Syariah Tidak Menghormati Ramadan" (Unit Rekod dan Maklumat, Seremban: Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan, 2022).

⁷ Mustafa al-Khin, Mustafa al-Bugha, Ali al-Syarbaji, *Al-Fiqh al-Manhaji Mazhab al-Syafie (Jilid 2)*, terj. Zulkifli al-Bakri (Bandar Baru Bangi: Darul Syakir Enterprise, 2009). 110-114. Klasifikasi golongan yang mendapat kelonggaran adalah seperti berikut;

- i. Orang sakit yang tidak mampu berpuasa. Golongan ini diharuskan berbuka puasa dan wajib qada semula sebanyak hari puasa yang ditinggalkan olehnya.
- ii. Orang dalam keadaan musafir. Syaratnya individu tersebut bermusafir dengan jarak yang sah pada perjalanan tersebut solat secara Qasar iaitu 2 marhalah (kira-kira 90 km). Golongan ini harus berbuka serta wajib qada semula.
- iii. Orang yang sedang mengandung atau sedang menyusukan anaknya. Jika bimbang terhadap kesihatan dan keselamatan diri mereka sendiri, atau diri dan anak mereka, atau risaukan keselamatan anak sahaja, golongan ini harus berbuka dan wajib qada semula.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang dahulu daripada kamu, supaya kamu bertaqwa.”⁸

Allah SWT berfirman dengan mafhum kalimat ‘*sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang dahulu daripada kamu*’ menunjukkan pensyariatan puasa bukanlah sesuatu yang baru dalam agama Islam. Hal ini secara tidak langsung mempunyai mesej motivasi kepada umat Rasulullah SAW dan memberikan semangat kepada mereka dalam menunaikan puasa dengan pelaksanaan yang lebih berkualiti berbanding umat terdahulu.⁹ Galakan melaksanakan syariat agama dengan bersungguh-sungguh ini termaktub dalam petikan firman Allah SWT:

لِكَلِّ جَعَلْنَا مِنكُمْ شِرْعَةً وَمِنْهَاجًا ، وَلَوْ شَاءَ اللَّهُ لَجَعَلَكُمْ أُمَّةً وَاحِدَةً وَلَكِن لِّيَبْلُوَكُمْ فِي مَا ءَاتَاكُمْ فَاسْتَبِقُوا الْخَيْرَاتِ إِلَى اللَّهِ مَرْجِعُكُمْ جَمِيعًا فَمِيبْتَأُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ فِيهِ تَخْتَلِفُونَ

Maksudnya: “Bagi tiap-tiap umat yang ada di antara kamu, Kami jadikan (tetapkan) suatu syari’at dan jalan agama (yang wajib diikuti oleh masing-masing). Dan kalau Allah menghendaki nescaya Ia menjadikan kamu satu umat (yang bersatu dalam agama yang satu), tetapi Ia hendak menguji kamu (dalam menjalankan) apa yang telah disampaikan kepada kamu. Oleh itu

iv. Orang tua yang sakit serta tidak mempunyai harapan sembuh dan tidak mampu berpuasa. Golongan ini harus berbuka dan wajib membayar fidyah sebanyak satu cupak sehari dengan kiraan hari dalam bulan Ramadan.

⁸ Surah *al-Baqarah*, 2: 183; Sheikh Abdullah Basmeih, *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran (30 juz)*, (Kuala Lumpur: Darul Fikir, 2010). 69.

⁹ Kamarul Azmi Jasmi, “Amalan dalam Madrasah Ramadan: Surah al-Baqarah (2: 183-188).” Program Budaya al-Quran Siri 36, 9 Januari 2020: 1-62.

berlumba-lumbalah kamu membuat kebaikan (beriman dan beramal soleh). Kepada Allah jualah tempat kembali kamu semuanya, maka Ia akan memberitahu kamu apa yang kamu berselisihan padanya.”¹⁰

Puasa menurut bahasa arab disebut *al-Ṣaum* atau *al-Ṣiyām* yang berarti menahan diri. Secara etimologi, puasa berarti menahan diri dari makan dan minum serta perbuatan yang membatalkan puasa mulai terbit fajar sampai tenggelamnya matahari.¹¹ Ibadah puasa menjadi bertambah istimewa apabila pensyariatannya dikhaskan dalam sebuah bulan yang penuh keberkatan yakni bulan Ramadan. Bulan Ramadan menjadi saksi kepada peristiwa penurunan al-Quran.¹² Kitab al-Quran mengandungi keterangan-keterangan dan petunjuk bagi kehidupan manusia. Hal ini diberitakan dalam firman Allah:

شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنْ أٰهُدًى
وَالْفُرْقَانِ فَمَن شَهِدَ مِنْكُمُ الشَّهْرَ فَلْيَصُمْهُ ۖ وَمَن كَانَ مَرِيضًا أَوْ عَلَىٰ
سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِّنْ أَيَّامٍ أُخَرَ يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ
وَلِيُكْمِلُوا الْعِدَّةَ وَلِيُكَبِّرُوا اللَّهَ عَلَىٰ مَا هَدٰكُمُ وَعَلٰكُمُ تَشْكُرُونَ

Maksudnya: “(Masa yang diwajibkan kamu berpuasa itu ialah) bulan Ramadan yang padanya diturunkan Al-Quran, menjadi petunjuk bagi sekalian manusia, dan menjadi keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk, dan (menjelaskan) perbezaan antara yang benar dengan yang salah. Oleh itu, sesiapa dari antara kamu yang menyaksikan anak bulan Ramadan (atau mengetahuinya) maka hendaklah ia berpuasa di bulan

¹⁰ Surah *al-Mā'idah*, 5: 48.

¹¹ Haron Din, *Manusia dan Islam Jilid 1* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015), 196.

¹² Noriah Mohamad, *Kesalahan-kesalahan Makan dan Minum pada Siang Hari Bulan Ramadhan di Bawah Peruntukan Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-mahkamah Kadi Penggal: 77 Negara Brunei Darussalam* (Gombak: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 1998). 3

itu; dan sesiapa yang sakit atau dalam musafir maka (bolehlah ia berbuka, kemudian wajiblah ia berpuasa) sebanyak hari yang ditinggalkannya itu pada hari-hari yang lain. (Dengan ketetapan yang demikian itu) Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan, dan Ia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran. Dan juga supaya kamu cukupkan bilangan puasa (sebulan Ramadan), dan supaya kamu membesarkan Allah kerana mendapat petunjukNya, dan supaya kamu bersyukur.”¹³

Ibadah puasa di bulan Ramadan boleh dipandang sebagai satu medan latihan dalam membina kekuatan diri, nilai murni seperti kejujuran¹⁴ dan memperbaiki personaliti seseorang dari aspek *al-Mādi* yakni kebendaan dan kekuatan *al-Rūhi* iaitu rohani. Puasa di bulan Ramadan dapat dikaitkan dengan kesan yang positif terhadap perkembangan motivasi dalam diri seseorang meningkatkan kualiti diri melalui penghayatan terhadap nilai-nilai murni.¹⁵

Setiap syariat yang telah ditetapkan dan diperintahkan oleh Allah SWT dalam Islam adalah termasuk dalam klasifikasi syiar Islam.¹⁶ Allah SWT sangat menyukai hamba-Nya yang memuliakan syiar Islam, seperti firman-Nya:

ذَلِكَ وَمَنْ يُعِظْكُمْ شَعْبًا أَلَيْسَ اللَّهُ بِأَعْلَمَ بِمَا تَفْعَلُونَ

Maksudnya: “Demikianlah (ajaran Allah); dan sesiapa yang menghormati syiar-syiar agama Allah, maka (dialah orang yang bertaqwa) kerana sesungguhnya

¹³ Surah *al-Baqarah*, 2: 185.

¹⁴ Nilai kejujuran juga merupakan nilai yang dilatih menerusi amalan berpuasa kerana tiada sesiapa yang mengetahui kualiti puasa seseorang melainkan hal itu adalah urusannya dengan Allah SWT yang Maha Mengetahui.

¹⁵ Andy, Safria. "Hakikat puasa Ramadhan dalam perspektif tasawuf (tafsir QS Al-Baqarah: 183)." *Jurnal Ibn Abbas* 1, no. 1 (2018): 1-17.

¹⁶ Syiar Islam ialah slogan, lambang, reka bentuk, objek dan struktur yang berperanan sebagai petunjuk kekuatan umat Islam. Contohnya, lambang bulan dan bintang pada bendera.

perbuatan itu satu kesan dari sifat takwa hati orang mukmin.”¹⁷

Begitu juga dengan ibadah puasa di bulan Ramadan yang merupakan syiar Islam. Syiar Islam wajar dibesarkan, dibanggakan dan dihebahkan oleh umat Islam. Bahkan, perkara memuliakan syiar Islam ini adalah termasuk dalam usaha untuk mencegah perkara yang dilarang oleh Allah SWT daripada berleluasa dalam sesebuah negara Islam.¹⁸ Situasi di Malaysia menunjukkan masyarakat tempatan sememangnya cakna terhadap kedatangan bulan Ramadan apabila kebanyakan imam di masjid telah mula membacakan doa untuk menyambut bulan Ramadan sejak bulan Rejab.¹⁹

PENAMAAN KESALAHAN TIDAK MENGHORMATI RAMADAN

Dalam syariat Islam, kesalahan jenayah²⁰ dibahagikan kepada tiga kategori iaitu hudud, qisas dan takzir. Undang-undang dalam Islam bertujuan untuk mencapai pemeliharaan optimum terhadap *Maqāṣid al-Sharī‘ah* yang terdiri daripada lima perkara iaitu menjaga agama, nyawa,

¹⁷ Surah *al-Haj*, 22: 32.

¹⁸ Contoh usaha menghalang perkara yang dilarang oleh Allah SWT dari berleluasa di negara Islam ialah bantahan terhadap kedai yang menjual arak dalam kawasan yang diketahui sebagai tempat tinggal majoriti umat Islam.

¹⁹ Doa yang dibacakan oleh imam-imam ini adalah berdasarkan amalan Rasulullah SAW yang direkodkan dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Anas Ibn Malik RA: Dia berkata, apabila setiap kali tiba bulan Rejab, Rasulullah SAW akan berdoa seperti berikut (اللَّهُمَّ بَارِكْ لَنَا فِي رَجَبٍ وَشَعْبَانَ وَبَلِّغْنَا رَمَضَانَ) Maksudnya: “Ya Allah, berkatilah kami pada bulan Rejab dan bulan Sya’ban dan pertemukanlah kami dengan bulan Ramadan.” Lihat Abū al-Qāsim al-Ṭabrānī, *al-Mu‘jam al-Awsaṭ*, ed. Ṭāriq ‘Iwaḍ Allāh (Kaherah: Dār al-Ḥaramayn, t.t.), no. hadith 3939, 4: 189.

²⁰ Jenayah didefinisikan sebagai perbuatan terlarang di sisi undang-undang yang dilakukan oleh mana-mana individu dengan kawalan dan pertimbangan dirinya. Perbuatan jenayah akan diadili melalui prosiding dan boleh menyebabkan seseorang individu dihukum di sisi perundangan. Hukuman yang ditetapkan oleh pemerintah adalah mengikut tahap kesalahan dan kesan jenayah yang dilakukan terhadap anggota komuniti. Lihat Wan Norina Wan Hamatet al., *Hukum Jenayah Islam* (Ipoh: Politeknik Ungku Omar, 2021), 1.

akal, keturunan dan harta²¹ yang menjadi hak asasi bagi setiap manusia secara am.

Sesiapa yang mengingkari serta menafikan kewajiban berpuasa di bulan Ramadan dikira kafir kerana kewajiban berpuasa di bulan Ramadan merupakan salah satu rukun dalam pembinaan agama Islam. Manakala sesiapa yang tidak berpuasa tanpa mengingkari kewajipan berpuasa pula dikira *fāsiq*. Pemerintah bertanggungjawab mengenakan sebarang tindakan undang-undang yang dikira bersesuaian sebagai usaha mencegah individu yang tidak berpuasa dari makan secara terang-terangan.²² Sa'īd al-Ramlawiy menukilkan pandangannya berkenaan peruntukan undang-undang berkenaan pemeliharaan syariat puasa di bulan Ramadan:

²¹ *Maqāṣid al-Sharī'ah* umumnya dapat difahami dengan penerangan berikut;

- i. Menjaga agama. Akidah umat Islam mestilah dipelihara kesuciannya agar tidak terpesong daripada syariat Islam yang sebenar. Hal ehwal agama juga perlu dijaga supaya tidak menimbulkan fitnah terhadap Islam.
- ii. Menjaga nyawa termasuk dalam menjaga anggota badan kurniaan Allah dengan sebaik mungkin daripada dcederakan dan dirosakkan. Setiap manusia memiliki hak untuk hidup dalam keadaan aman tanpa perlu berhadapan sebarang ketakutan dan kebimbangan.
- iii. Menjaga akal fikiran. Umat Islam dituntut menjaga akal daripada rosak dengan sengaja seperti mabuk sehingga menjadi beban kepada diri sendiri, keluarga dan masyarakat yang akhirnya menjadi sebab kepada timbulnya pelbagai permasalahan dan jenayah.
- iv. Menjaga nasab atau keturunan. Adab pergaulan perlu dijaga dengan batasan-batasan syariat supaya tidak berlaku permasalahan seperti zina. Umat Islam juga ditegah dari menuduh seseorang berzina tanpa bukti yang kukuh.
- v. Menjaga harta. Harta benda umat Islam perlu dijaga daripada sebarang perbuatan khianat seperti dicuri, dirompak dan ditipu. Menjaga harta juga termasuk dalam aspek pengurusan harta umat Islam supaya tidak diselewengkan dan dapat mencapai matlamat kebajikan yang optimum.

Lihat Daud Muhammad. "Falsafah pentadbiran keadilan jenayah Syariah: Satu penghayatan semula." *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia* 27, no. 1 (2015): 7-32.

²² Mustafa al-Khin, Mustafa al-Bugha, Ali al-Syarbaji, *Al-Fiqh al-Manhaji Mazhab al-Syafie (Jilid 2)*, terj. Zulkifli al-Bakri (Bandar Baru Bangi: Darul Syakir Enterprise, 2009), 85.

“Orang yang tidak berpuasa pada bulan Ramadan kerana malas dan meremehkan kehormatan Ramadan yang agung, maka hukumannya tidak dibunuh mengikut ijma’ fuqaha’, sebaliknya dipenjarakan tanpa diberi makan dan minum pada siang hari sepanjang bulan Ramadan, supaya dia mendapat hakikat sebenar puasa, berkemungkinan hukuman tersebut mendorongnya untuk bertaubat, lalu memperoleh hakikat sebenar kefardhuan ibadat puasa itu.”²³

Dalam menjelaskan dengan lebih lanjut berkenaan usaha mengagungkan syiar Islam syariat puasa di bulan Ramadan, perkara ini selaras dengan kaedah fiqh berikut:

سد الذرائع

Maksudnya: “Menutup Pintu Kemungkaran”

Justifikasinya, pintu kemungkaran akan terbuka luas jika tidak terdapat sebarang peruntukan undang-undang khusus yang mengira tindakan tidak berpuasa secara terang-terangan di bulan Ramadan sebagai kesalahan jenayah. Keadaan itu akan mewujudkan risiko kepada umat Islam untuk terpengaruh dengan golongan yang enggan berpuasa secara terang-terangan.²⁴ Oleh itu, dengan wujudnya peruntukan undang-undang dan tindakan penguatkuasaan, pintu kemungkaran yang dikenalpasti dapat dikawal dengan efektif.

Antara undang-undang yang terhasil dari usaha pemeliharaan agama ialah Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 559) dan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992. Sebuah kaedah fiqh lain yang mengiringi kaedah fiqh ‘*Menutup Pintu Kemungkaran*’ ialah kaedah berikut:

²³ Sa’id Muḥammad al-Ramlawiy, *Qaḍāya al- Ḥabs Wa al-’itiqāl fī al-Fiqh al-Islāmiyy*. Iskandariyyah: Dār al-Jāmiyah al-Jadīdah (t.t.). 56.

²⁴ Kamarul Azmi Jasmi, “Syiar Islam dalam Amalan Sai serta Dosa Menyembunyikan Ilmu dan Kebenaran: Surah Al-Baqarah (2: 158-167).” Program Budaya Al-Quran. Siri 30, 5 September 2019: 1-18.

ما لا يتم الواجب إلا به فهو واجب

Maksudnya: “Sesuatu yang tanpanya tidak dapat disempurnakan hal yang wajib, maka ia menjadi wajib”

Relevannya kaedah fiqh ini dalam menjelaskan justifikasi kewujudan peruntukan undang-undang berkaitan peninggian syariat Islam puasa di bulan Ramadan ialah kewujudan undang-undang yang berkuatkuasa akan menimbulkan kegerunan kepada individu yang berniat untuk makan secara terang-terangan di tempat terbuka pada bulan Ramadan.

Hukuman yang dijatuhkan kepada individu yang didakwa di bawah peruntukan undang-undang berkaitan puasa di bulan Ramadan ini bukanlah semata-mata bertujuan untuk menghukum atau sengaja mencari kesalahan, tetapi merupakan satu usaha untuk mendidik masyarakat. Ini bertepatan dengan objektif utama hukuman dalam Islam iaitu pembalasan, pencegahan, pemulihan dan pendidikan.²⁵ Firman Allah SWT:

فَجَعَلْنَاهَا نَكَالًا لِّمَا بَيْنَ يَدَيْهَا وَمَا خَلْفَهَا وَمَوْعِظَةً لِّلْمُتَّقِينَ

Maksudnya: “Maka Kami jadikan apa yang berlaku itu sebagai suatu hukuman pencegah bagi orang-orang yang ada pada masa itu dan orang-orang yang datang kemudian, dan suatu pengajaran bagi orang-orang yang (hendak) bertakwa.”²⁶

²⁵ Dalam Islam, hukuman tidak berlandaskan motif penyeksaan dan balas dendam, sebaliknya bermatlamatkan pengajaran serta pembaikan. Konsep hukuman ini turut mempunyai matlamat untuk menyelamatkan dan memulihkan melalui hukuman yang dijatuhkan terhadap pelaku kesalahan. Lihat Daud Muhammad. "Falsafah pentadbiran keadilan jenayah Syariah: Satu penghayatan semula." *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia* 27, no. 1 (2015): 7-32.

²⁶ Surah *al-Baqarah*, 2: 66.

Firman Allah SWT di atas menunjukkan keperluan pihak berkuasa menggunakan segala kebijaksanaan dan autoriti yang dimiliki untuk membanteras kegiatan-kegiatan yang mencemarkan kemuliaan bulan Ramadan melalui perangkaan undang-undang yang berkesan dan pelaksanaan dasar penguatkuasaan yang efektif. Hal ini boleh mencetuskan kesedaran dan mewujudkan kegerunan dalam hati umat Islam di Malaysia untuk melanggar syariat Islam khususnya puasa di bulan Ramadan.

Perundangan jenayah syariah di Malaysia pada hari ini berada dalam kategori hukuman takzir yang boleh dilihat dalam bentuk akta dan enakmen kanun jenayah syariah di negeri-negeri. Elemen syariah yang terdapat dalam perundangan Malaysia ini hakikatnya telah wujud sejak zaman Kesultanan Melayu di Melaka melalui Hukum Kanun Melaka.²⁷ Dalam lipatan sejarah Islam, hukuman takzir terhadap orang yang melakukan kesalahan tidak berpuasa telah dijalankan sejak zaman sahabat seperti yang diriwayatkan dalam sebuah kisah Saidina Ali Abi Talib RA menghukum seorang lelaki yang berbuka di bulan Ramadan:

“Dari Atha’ Ibn Abi Marwan, dari bapanya, bahawa An-Najasyi²⁸ dihadapkan kepada Ali Ibn Abi Talib kerana telah meminum Khamar (Arak) di bulan Ramadan. Saidina Ali memukulnya 80 kali, kemudian Saidina Ali memukulnya lagi dengan 20 pukulan pada hari seterusnya. Ali berkata, “Kami memukulmu 20 kali kerana kelancanganmu terhadap Allah dan kerana engkau berbuka di bulan Ramadan.”²⁹

²⁷ Muhammad Fathi Yusof, “Kesesuaian Pelaksanaan Undang-undang Jenayah Islam di Malaysia,” dalam *Pelaksanaan Kanun Jenayah Syariah: Teori & Realiti*, ed. Azhar Yahya (Selangor: Kolej Universiti Islam Zulkifli Muhammad (KUIZM) Publication, 2014), 18.

²⁸ An-Najasyi ini adalah seorang penyair, nama sebenarnya ialah Qais Ibn ‘Amr al-Haritsi.

²⁹ Ibn Hāzm, Muhammad ‘Alī bin ‘Alī bin Sa‘id, *Al-Muḥallā bi al-Athār*, ed. Abd Ghaffar Sulaiman (Beirut: Dar al-Fikr, t.t.), 312.

Petunjuk bagi pelaksanaan peruntukan undang-undang takzir ini terdapat dalam al-Quran bagi tujuan menjaga kesucian dan menguatkan agama dengan lebih efektif. Di sinilah letaknya peranan pihak berkuasa untuk berijtihad dalam merangka perundangan yang efektif dalam usaha mewujudkan suasana harmoni dalam negara supaya Islam dapat terus diamalkan dalam keadaan yang aman dan sejahtera.

KESALAHAN TIDAK MENGHORMATI RAMADAN DALAM PERUNDANGAN SYARIAH MALAYSIA

Di Malaysia, pelaksanaan undang-undang syariah adalah termasuk dalam pelbagai peruntukan seperti yang terdapat di bawah akta, ordinan dan enakmen kesalahan jenayah syariah di negeri-negeri. Dalam era yang penuh dengan cabaran pemikiran ini, kesalahan jenayah syariah dianggap sebagai jenayah tanpa mangsa (*victimless crime*) oleh sesetengah anggota masyarakat.³⁰ Tanggapan ini menyebabkan jenayah syariah diringan-ringankan oleh masyarakat dengan alasan tidak selaras dengan hak asasi manusia.

Tanggungjawab melaksanakan penguatkuasaan undang-undang jenayah Syariah di negeri-negeri berada dibawah pihak berkuasa agama melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Islam di negeri-negeri, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri-negeri.³¹

³⁰ Terma *victimless crime* tidak dikira sebagai satu istilah rasmi dalam bidang perundangan. Ia merupakan terma yang digunakan oleh golongan berkepentingan yang tertentu untuk menentang undang-undang jenayah syariah yang didakwa sebagai melanggar hak asasi individu. Jenayah tanpa mangsa dikaitkan dengan peruntukan undang-undang berkaitan pemeliharaan kesopanan, penggunaan dadah, pelacuran dan puasa. Dalam konteks *victimless crime*, kesalahan tatasusila seperti perbuatan tidak sopan, khalwat dan juga meminum minuman yang memabukkan adalah antara perbuatan yang didakwa sebagai kebebasan individu yang tidak wajar dicampuri. Dari perspektif Islam, kesemua dakwaan dalam konteks *victimless crime* adalah bertentangan dengan syariat Islam. Lihat Siti Zubaidah Ismail. "Dasar penguatkuasaan dan pendakwaan jenayah syariah di Malaysia: satu analisis." *Jurnal Syariah* 16, no. 3 (2008): 537-554.

³¹ Zurul Iman Zakaria & Zaini Nasohah. "Cabaran Pelaksanaan Penguatkuasaan Undang-Undang Jenayah Syariah Di Negeri Melaka: The Challenges of Implementing the Enforcement of Syariah Criminal Law in Malacca." *Malaysian Journal of Syariah and Law* 7, no. 2 (2019): 13-26.

Tindakan penguatkuasaan oleh agensi yang terlibat dalam penguatkuasaan undang-undang terutamanya dalam mencegah jenayah syariah adalah bertepatan dengan firman Allah SWT:

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

Maksudnya: “Dan hendaklah di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya.”³²

Berhubung dengan kesalahan jenayah syariah yang berkaitan syariat puasa di bulan Ramadan, antara akta dan enakmen yang menyebutkan perincian kesalahan yang berkaitan dengan ibadah puasa dan pemeliharaan kemuliaan bulan Ramadan adalah seperti berikut:

1) Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah Persekutuan 1997 (Akta 559)

Seksyen 15 Tidak Menghormati Ramadan

Mana-mana orang yang pada waktu berpuasa dalam bulan Ramadan:-

1. menjual kepada mana-mana orang Islam apa-apa makanan, minuman, rokok atau benda lain yang seumpamanya untuk dimakan, diminum atau dihisap serta-merta dalam waktu itu; atau
2. secara terbuka atau di tempat awam didapati makan, minum atau menghisap rokok atau benda lain yang seumpamanya,

adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak

³² Surah *Āli ‘Imrān*, 3: 104.

melebihi enam bulan atau kedua-duanya, dan bagi kesalahan yang kedua atau berikutnya boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.³³

2) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992

Seksyen 114 Menjual dan Makan dalam Bulan Ramadan

1. Menjual atau Memberi Makanan dalam Waktu Berpuasa Bulan Ramadan

Mana-mana orang yang pada waktu berpuasa di dalam bulan Ramadan, menjual atau memberi kepada orang yang beragama Islam makanan atau minuman untuk dimakan atau diminum dengan serta-merta adalah melakukan satu kesalahan dan hendaklah apabila disabitkan dikenakan hukuman denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan dan bagi kesalahan yang kedua atau berikutnya dengan denda tidak lebih dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada satu tahun atau kedua-duanya.

2. Makan atau Minum atau Menghisap Sebarang Tembakau dalam Waktu Berpuasa Bulan Ramadan

Mana-mana orang yang didapati makan atau minum atau menghisap sebarang tembakau atau seumpamanya pada waktu berpuasa dalam bulan Ramadan adalah bersalah atas suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan dikenakan hukuman denda tidak melebihi daripada lima ratus ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada tiga bulan dan bagi kesalahan yang kedua atau yang berikutnya, denda tidak lebih satu ribu

³³ Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 559). Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. Portal Rasmi E-Syariah. Diakses 22 April 2022, http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen2011/Federal_Updated.nsf/b3ac9c218c8efdc4482568310022d8b3/d31866f9fa58ec974825708200081476?OpenDocument.

ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada enam bulan atau kedua-duanya.³⁴

Akta dan enakmen yang dipaparkan merupakan antara sumber perundangan yang berkuatkuasa di Malaysia berkaitan pemeliharaan syariat puasa di bulan Ramadan. Setiap individu yang disabitkan bersalah berdasarkan akta dan enakmen tersebut boleh dikenakan tindakan di sisi undang-undang.

ANALISIS PERILAKU TIDAK MENGHORMATI RAMADAN DALAM KONTEKS MASYARAKAT MALAYSIA

Dalam situasi kemasyarakatan di Malaysia, terdapat senario-senario berkaitan ibadah puasa di bulan Ramadan yang mengandungi pelbagai pengajaran. Antaranya termasuklah situasi kedai makan milik orang Islam yang memulakan operasi pada lewat petang sebagai menghormati bulan Ramadan dan umat Islam yang berpuasa. Malah, golongan bukan Islam juga memiliki sifat hormat terhadap masyarakat Islam yang berpuasa dengan tidak makan dihadapan khalayak dengan sengaja.

Walaupun terdapat contoh-contoh baik dalam menunjukkan sikap menghormati bulan Ramadan dalam masyarakat, terdapat sesetengah kelompok lain daripada kalangan umat Islam yang bertindak untuk tidak berpuasa dengan menggunakan strategi dan modus operandi khas bagi mengelakkan kegiatan mereka terbongkar. Antara strategi yang digunakan ialah menjalankan kegiatan makan pada bulan Ramadan di parkir kereta bertingkat, rumah terbengkalai dan belakang kedai.

Selain itu, taktik menjadikan pondok-pondok di kawasan kebun sebagai pusat kegiatan makan di siang hari pada bulan Ramadan turut digunakan. Kebiasaannya, lokasi pondok yang terletak di kawasan kebun menjadi tumpuan kerana kedudukan pondok yang terlindung dari perhatian orang ramai. Pondok yang dipilih akan dipenuhi dengan

³⁴ Undang-undang Negeri Sembilan, *Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 1992 (Enakmen No. 4 tahun 1992)* (Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad, 2015), 57.

bekalan makanan sejak sebelum Ramadan untuk digunakan pada bulan Ramadan.

Strategi terkini yang digunakan oleh golongan yang tidak berpuasa adalah dengan memesan makanan melalui platform atas talian seperti *Food Panda* dan *Grab Food*. Majoriti individu yang ditangkap dengan kesalahan tidak berpuasa menggunakan alasan seperti sakit dengan menunjukkan surat pengesahan doktor palsu, tidak bersahur dan mengaku sebagai individu bukan Islam.³⁵ Jadual berikut menunjukkan statistik dari tahun 2017 hingga tahun 2021 bagi kesalahan jenayah syariah tidak menghormati Ramadan berdasarkan Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992.

| Tahun | Tangkapan | | Amaran | |
|-------|-----------------|-----------------|-----------------|-----------------|
| | Seksyen 114 (1) | Seksyen 114 (2) | Seksyen 114 (1) | Seksyen 114 (2) |
| 2017 | 1 | 4 | 9 | 35 |
| 2018 | 1 | 14 | 0 | 20 |
| 2019 | 0 | 1 | 3 | 5 |
| 2020 | 0 | 0 | 4 | 30 |
| 2021 | 0 | 0 | 0 | 1 |

Jadual 1: Rekod Tindakan Penguatkuasaan bagi Kesalahan Jenayah Syariah Tidak Menghormati Ramadan

Analisis terhadap rekod oleh Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Hal Ehwal Islam Negeri Sembilan dalam jadual 1 telah menunjukkan penurunan yang mendadak terhadap kesalahan-kesalahan berkaitan jenayah tidak menghormati Ramadan di Negeri Sembilan. Pada awalnya, terdapat sebahagian daripada kelompok masyarakat Malaysia memandang ringan kewajipan menunaikan ibadah puasa di bulan Ramadan. Analisis pada data ini juga menyimpulkan peruntukan undang-undang bagi kesalahan jenayah syariah tidak menghormati Ramadan berjaya mengawal kegiatan jenayah makan secara terbuka di

³⁵ Alasan mengaku sebagai individu bukan Islam boleh menyebabkan seseorang turut dituduh di bawah Seksyen 48 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992 yang membawa hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

bulan Ramadan. Kesimpulan yang dibuat ini dikukuhkan melalui rekod yang menunjukkan hanya 1 amaran³⁶ dicatatkan pada tahun 2021.

Menurut Ahmad Zaki³⁷ dalam sebuah temu bual, objektif utama peruntukan undang-undang bagi kesalahan jenayah syariah tidak menghormati Ramadan bukanlah untuk menghukum tanpa sebarang budi bicara, tetapi bertujuan menerapkan sikap menghormati syiar Islam khususnya bulan Ramadan dengan mencegah perbuatan makan secara terbuka secara khusus dan perbuatan lain yang berpotensi mencemarkan bulan Ramadan seperti menjual makanan kepada orang Islam untuk dimakan di premis jualan.

Golongan yang mendapat *rukhsah* seperti orang yang sakit juga tidak dibolehkan untuk makan secara terang-terangan di tempat terbuka walaupun mendapat keringanan untuk tidak berpuasa. Makan secara terang-terangan walaupun sakit turut menjadi kesalahan kerana menimbulkan kekeliruan terhadap masyarakat awam. Penelitian yang dibuat oleh beliau turut merumuskan bahawa peruntukan undang-undang bagi kesalahan jenayah syariah tidak menghormati Ramadan mencapai objektif yang telah disasarkan iaitu mengawal maksiat dan mencegah perbuatan yang mencemarkan syiar Islam daripada berlaku secara terang-terangan.

KESIMPULAN

Peruntukan kesalahan jenayah syariah terhadap aspek-aspek berkaitan syariat puasa di bulan Ramadan merupakan elemen yang penting untuk menjamin kesucian bulan Ramadan berkesan. Kefahaman terhadap kepentingan memelihara kemuliaan syiar Islam melalui peruntukan perundangan dan dasar-dasar mesra syariah perlu disebarluaskan kepada masyarakat di Malaysia. Tanggungjawab ini bukan sahaja terletak

³⁶ Bagi tindakan penguatkuasaan bagi enakmen kesalahan jenayah syariah tidak menghormati Ramadan, tangkapan dibuat apabila perbuatan yang dilakukan adalah jelas sebagai tidak menghormati Ramadan manakala amaran dikeluarkan bagi perbuatan yang mencurigakan ke arah tidak menghormati Ramadan.

³⁷ Ahmad Zaki Hamzah, (Penolong Pengarah Kanan merangkap Ketua Unit Operasi di Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan), dalam temu bual pada 10 Mei 2022.

kepada pemerintah, bahkan kepada golongan yang memiliki keahlian dalam bidang akademik yang berupaya menghasilkan tesis, disertasi dan makalah ilmiah.³⁸

Umat Islam di Malaysia wajar menitikberatkan hal ehwal Islam bermula di peringkat keluarga dengan ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam menggalakkan anak-anak mereka berpuasa seawal zaman kanak-kanak. Dengan ini, inisiatif yang dibuat oleh ibu bapa akan melatih anak-anak untuk memahami hikmah berpuasa dengan cara yang dianjurkan oleh Islam. Inisiatif yang dibuat oleh ibu bapa berupaya mewujudkan kesan yang positif terhadap pemahaman anak-anak terhadap syariat kefardhuan puasa dalam bulan Ramadan.

Umat Islam juga mestilah sentiasa bermuhasabah dan sentiasa mengingatkan sesama umat Islam bahawa kematian adalah rahsia Allah SWT yang boleh terjadi tanpa diketahui masanya.³⁹ Oleh itu, umat Islam wajar memenuhkan masanya dengan hal-hal yang bermanfaat serta mengelakkan diri dari melakukan perkara yang ditegah Allah SWT serta melanggar suruhan Allah SWT. Setiap manusia pasti akan merasai hikmah dari setiap syariat yang diperintahkan Allah apabila dia menghayati syariat Islam dan *Maqāṣid al-Sharī'ah* yang hadir bersama syariat Islam. Peruntukan undang-undang berkaitan jenayah tidak menghormati Ramadan perlu disebar dan dihebahkan kerana undang-undang tersebut berkait rapat dengan tindakan meninggikan syariat Islam yang amat disukai oleh Allah SWT.

³⁸ Sa'adan Man, "Fiqh Semasa: Konsep dan Aplikasinya," laman sesawang Jabatan Agama Islam Seangor (JAIS), diakses 15 Mei 2022, https://www.jais.gov.my/userfiles/user/Artikel/ARTIKEL_FIQH_SEMASA.pdf.

³⁹ Haron Din, *Manusia dan Islam Jilid 3* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015), 242

RUJUKAN

- Abū al-Qāsim al-Tabrānī, *al-Mu'jam al-Awsat*, ed. Tāriq 'Iwaḍ Allāh. Kaḥerah: Dār al-Ḥaramayn, t.t.
- Ahmad Zaki Hamzah, (Penolong Pengarah Kanan merangkap Ketua Unit Operasi di Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan), dalam temu bual pada 10 Mei 2022.
- Andy, Safria. "Hakikat puasa Ramadhan dalam perspektif tasawuf (tafsir QS Al-Baqarah: 183)." *Jurnal Ibn Abbas* 1, no. 1 (2018): 1-17.
- Aulia Rahmi. "Puasa dan Hikmahnya terhadap Kesehatan Fizik dan Mental Spiritual." *Jurnal Studi Pemikiran, Riset dan Pengembangan Pendidikan Islam*, (2015): 89-106.
- Daud Muhammad. "Falsafah pentadbiran keadilan jenayah Syariah: Satu penghayatan semula." *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia* 27, no. 1 (2015): 7-32.
- Haron Din, *Manusia dan Islam Jilid 1*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015.
- Haron Din, *Manusia dan Islam Jilid 3*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015.
- Ibn Ḥazm, Muhammad 'Alī bin 'Alī bin Sa'īd, *Al-Muḥallā bi al-Athār*, ed. Abd Ghaffar Sulaiman. Beirut: Dār al-Fikr, t.t.
- Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. 2022. Portal Rasmi E-Syariah. Diakses 22 April 2022, http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen2011/Federal_Updated.nsf/b3ac9c218c8efdc4482568310022d8b3/d31866f9fa58ec974825708200081476?OpenDocument.
- Kamarul Azmi Jasmi, "Amalan dalam Madrasah Ramadhan: Surah al-Baqarah (2: 183-188)." Program Budaya al-Quran Siri 36, 9 Januari 2020: 1-62.
- Kamarul Azmi Jasmi, "Syiar Islam dalam Amalan Sai serta Dosa Menyembunyikan Ilmu dan Kebenaran: Surah Al-Baqarah (2: 158-167)." Program Budaya Al-Quran. Siri 30, 5 September 2019: 1-18.
- Muhammad Fathi Yusof, "Kesesuaian Pelaksanaan Undang-undang Jenayah Islam di Malaysia," dalam *Pelaksanaan Kanun Jenayah Syariah: Teori & Realiti*, ed. Azhar Yahya. Selangor: Kolej

- Universiti Islam Zulkifli Muhammad (KUIZM) Publication, 2014.
- Muhammad Ibn Isma‘īl al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, ed. Muḥammad Zuhayr Nāṣir al-Nāṣir. t.tp.: Dār Ṭūq al-Najāh, 1422 H.
- Mustafa al-Khin, Mustafa al-Bugha, Ali al-Syarbaji, *Al-Fiqh al-Manhaji Mazhab al-Syafie (Jilid 2)*, terj. Zulkifli al-Bakri. Bandar Baru Bangi: Darul Syakir Enterprise, 2009.
- Noriah Mohamad, *Kesalahan-kesalahan Makan dan Minum pada Siang Hari Bulan Ramadhan di Bawah Peruntukan Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-mahkamah Kadi Penggal: 77 Negara Brunei Darussalam*. Gombak: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 1998.
- Perlembagaan Persekutuan, “Federal Legislation,” diterbitkan pada 15 Oktober 2020, diakses 10 Mei 2022, <https://lom.agc.gov.my/federal-constitution.php>.
- Sa'adan Man, “Fiqh Semasa: Konsep dan Aplikasinya,” laman sesawang Jabatan Agama Islam Seangor (JAIS), diakses 15 Mei 2022, https://www.jais.gov.my/userfiles/user/Artikel/ARTIKEL_FIQH_SEMASA.pdf.
- Sa‘īd Muḥammad al-Ramlawiy, *Qaḍāya al-Ḥabs Wa al-I‘tiqāl fi al-Fiqh al-Islāmiyy*. Iskandariyyah: Dār al-Jāmiyah al-Jadīdah, t.t.
- Sheikh Abdullah Basmeih, *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran (30 juz)*. Kuala Lumpur: Darul Fikir, 2010.
- Siti Zubaidah Ismail. "Dasar penguatkuasaan dan pendakwaan jenayah syariah di Malaysia: satu analisis." *Jurnal Syariah* 16, no. 3 (2008): 537-554.
- Syahrohimi, “Jadual Rekod Tindakan Penguatkuasaan Bagi Kesalahan Jenayah Syariah Tidak Menghormati Ramadhan”, Unit Rekod dan Maklumat, Seremban, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan, 2022.
- Undang-undang Negeri Sembilan, *Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 1992 (Enakmen No. 4 tahun 1992)* (Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad, 2015).
- Wan Norina Wan Hamat, Norhaslina Sulaiman & Hazwani Ubaidillah, *Hukum Jenayah Islam*. Ipoh: Politeknik Ungku Omar, 2021.
- Zurul Iman Zakaria & Zaini Nasohah. "Cabaran Pelaksanaan Penguatkuasaan Undang-Undang Jenayah Syariah Di Negeri Melaka: The Challenges of Implementing the Enforcement of

Syariah Criminal Law in Malacca." *Malaysian Journal of Syariah and Law* 7, no. 2 (2019): 13-26.